



جابتن كواغن دان قربنداھاراءن نكري ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333
Faks : 06-231 6489
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

No.Rujukan : JKPNMPENT.100-1/6/1 (14)

Tarikh : 17hb Mac, 2020
22 Rejab 1441H

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab
Negeri Melaka
(seperti senarai Edaran)

YB Datuk / Tuan / Puan,

KELULUSAN PERMOHONAN MENGELUARKAN PESANAN TEMPATAN SECARA MANUAL DALAM TEMPOH 1 HINGGA 8 APRIL 2020.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan Surat Arahan Operasi Bendahari Negeri Bil 1 Tahun 2020 bertarikh 13 Februari 2020 berkaitan Garis Panduan Peralihan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) Kepada Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS) Jabatan ini memberi **kelulusan khas** kepada Jabatan / Pusat Tanggungjawab untuk mengeluarkan Pesanan Tempatan atau Inden Kerja secara manual dalam tempoh 1 hingga 8 April 2020.


3. Kelulusan ini terpakai untuk tempoh yang dinyatakan seperti di atas sahaja. Sehubungan dengan itu pihak YB Datuk / Tuan / Puan hendaklah memastikan nombor rujukan surat ini dan nombor pesanan tempatan atau inden kerja yang dikeluarkan secara manual dicatatkan semasa membuat baucar bayaran di iSPEKS.

4. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Pegawai di Unit Perkhidmatan Operasi ditalian 06-2307 589/2307 590/ 2307 662 / 2307 441. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YB Datuk / Tuan / Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK HANAFI BIN SAKRI)
Pegawai Kewangan Negeri,
MELAKA

